

# Lebih RM6 juta diagih kepada 32,900 keluarga mangsa banjir

Oleh MAZNAH MOHD. ARSAD

**JOHOR BAHRU** 31 Jan. - Lebih RM6 juta peruntukan wang bantuan banjir telah diagihkan secara berperingkat kepada 32,900 keluarga yang terlibat dengan gelombang pertama bencana itu di Johor, Disember lalu.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, setiap keluarga menerima RM200 sebagai bantuan banjir daripada Kerajaan Pusat.

Menurutnya, baki 15,386 keluarga lagi yang turut terlibat dengan gelombang pertama banjir akan menerima bantuan berjumlah lebih RM3 juta sebaik sahaja senarai lengkap mangsa siap hujung minggu ini.

Sehubungan itu, kata beliau, pihaknya akan meneliti senarai lengkap mangsa ban-

jir gelombang pertama dan kedua yang keseluruhannya berjumlah 87,864 keluarga bagi memastikan bantuan diagihkan secara adil.

Katanya, untuk itu senarai lengkap 48,286 keluarga yang terlibat dengan gelombang pertama banjir perlu disahkan oleh pihak berkuasa sebelum dikemukakan kepada Kerajaan Pusat pada hujung minggu ini.

Menteri Besar berkata, senarai mangsa gelombang kedua banjir yang melibatkan 39,578 keluarga pula akan melalui proses pengesahan yang sama sebelum diserahkan kepada Kerajaan Pusat, akhir minggu depan.

"Bagi mendapatkan senarai nama yang betul-betul lengkap dan telus, ia mestilah disahkan dan diperakukan secara bersama oleh ketua kampung, penghulu, pemimpin

masyarakat, wakil rakyat dan pegawai daerah di kawasan terbabit.

"Ini kerana mereka sahaja yang boleh mengenali mangsa, keluarga, rumah, kampung dan taman perumahan yang dinaiki air," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Katanya, kerajaan tidak mahu ada keluarga mangsa banjir yang tercicir daripada senarai penerima bantuan, selain memastikan tiada pertindihan nama mangsa membabitkan beberapa pusat pemindahan.

Beliau percaya semua bantuan akan disampaikan kepada pihak yang berhak secepat mungkin, sebaik sahaja senarai akhir dimuktamadkan kelak.